

Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tahun 4 Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Kemahiran Hidup Di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai

Ahmad Johari bin Sihes & Safiah Binti Ahmad
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini mengenal pasti gaya pembelajaran yang manakah diberi keutamaan oleh pelajar dan mengenal pasti perbezaan gaya pembelajaran antara pelajar Perdana dengan pelajar PKPG serta mengikut jantina. Kajian ini melibatkan seramai 100 orang responden yang terdiri daripada 50 orang pelajar perdana dan 50 orang pelajar PKPG tahun 4 program Ijazah Sarjana Muda pengkhususan Kemahiran Hidup di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini berbentuk deskriptif dan menggunakan instrumen soal selidik dengan skala empat mata. Soal selidik mengandungi soalan berbentuk demografik bagi mengetahui latar belakang responden dan lapan puluh soal selidik yang berdasarkan instrumen daripada Learning Styles Questionnaires Honey and Mumford (1992). Penyelidik telah menjalankan kajian rintis ke atas 10 orang pelajar bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik. Nilai kebolehpercayaan yang telah diperolehi adalah 0.953. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian Statistic Package For Social Science (SPSS) for WINDOW release 13.0. Ujian Korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis data dalam kajian hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian pelajar. Nilai pekali r di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian pelajar adalah $r=0.0$ hingga 0.2 dan ini menunjukkan tidak terdapat hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Ujian-t sampel bebas telah digunakan untuk mengkaji sama ada terdapat perbezaan yang signifikan atau sebaliknya antara gaya pembelajaran dengan pemboleh ubah yang telah ditetapkan. Kajian ini juga telah mendapati bahawa gaya pembelajaran dominan yang menjadi amalan para pelajar adalah Reflektor dan gaya sampingan Pragmatis. Ini diikuti oleh gaya pembelajaran Teoris dan akhirnya Aktivis. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran Reflektor, Pragmatis, Teoris dan Aktivis antara pelajar Perdana dan pelajar PKPG. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran mengikut jantina.

Katakunci : gaya pembelajaran, pencapaian akademik

Pengenalan

Institusi pendidikan memainkan peranan yang cukup besar dalam mendidik ke arah memenuhi matlamat dan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Matlamat utama institusi pendidikan adalah untuk menyediakan dan melengkapkan pelajar dalam menghadapi pekerjaan dan dunia sebenar. Bagi merealisasikan segala hasrat dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN) salah satu aspek yang harus diberi penekanan ialah proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah.

Ilmu pengetahuan yang didapati melalui proses pembelajaran adalah perkara yang penting kepada semua pelajar sebelum mereka menjejakkan kaki ke alam pekerjaan. Pembelajaran merupakan suatu proses yang berlaku secara berulang-ulang dalam hidup manusia. Manusia yang lahir akan membesar sejajar dengan perubahan masa

Menurut Sheal (1994), pembelajaran ialah proses mental dan fizikal yang membawa kepada perubahan dalam tingkah laku. Kebijaksanaan bukan sesuatu elemen yang statik tetapi adalah satu sistem dinamik, terbuka yang sentiasa berkembang sepanjang hayat. Kebanyakan proses pembelajaran yang signifikan adalah daripada apa yang telah kita lakukan iaitu melalui tindakan dan pemerhatian.

Pembelajaran tidak hanya berkaitan dengan penambahan pengetahuan dan mengingat semula maklumat pengetahuan dan seterusnya dapat mengaplikasikannya ke dalam kehidupan harian. Sebaliknya pembelajaran berkaitan dengan kefahaman prinsip-prinsip dan konsep-konsep asas yang boleh diaplikasikan kepada dunia sebenar (Hargreaves,1996). Pembelajaran perlu dilihat sebagai perubahan kualitatif seseorang melihat, memahami dan menghayati sesuatu di dunia realiti.

Setiap individu mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Dalam kajian Dunn & Griggs (1995), menunjukkan bahawa pelajar yang menggunakan gaya pembelajaran akan mendapat pencapaian yang lebih baik berbanding dengan pelajar yang tidak menggunakan gaya pembelajaran. Kajian mengenai gaya pembelajaran telah dibuat untuk mengetahui apakah gaya pembelajaran yang dimiliki oleh setiap individu dan kesannya terhadap pencapaian akademik.

Pernyataan Masalah

Gaya pembelajaran sangat penting bagi setiap pelajar kerana gaya pembelajaran mempunyai daya pengaruh yang kuat terhadap pencapaian akademik. Gaya pembelajaran telah menyediakan suatu mekanisme pembelajaran yang dapat memberi cabaran yang betul kepada pelajar dan menyediakan maklum balas yang tepat terhadap pencapaian akademik mereka. Gaya pembelajaran merupakan salah satu faktor yang penting dan akan memberi kesan terhadap pencapaian akademik. Ini dibuktikan oleh hasil kajian Doris (1993) dalam Liau (2000). Beliau juga mencadangkan adalah sesuai jika gaya pembelajaran bagi setiap pelajar diuji. Oleh hal yang demikian, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pola gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar fakulti pendidikan yang dominan iaitu Pragmatis, Aktivistis, Reflektif dan Teoristis dan implikasinya terhadap pencapaian akademik mereka.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang terdapat dalam kalangan pelajar dan menghubungkan gaya pembelajaran tersebut dengan pencapaian akademik pelajar. Secara khususnya objektif kajian adalah seperti berikut.

- i. Untuk mengkaji gaya pembelajaran pelajar Perdana dan PKPG.
- ii. Mengenal pasti perbezaan gaya pembelajaran di antara pelajar perdana dan pelajar PKPG.
- iii. Mengenal pasti perbezaan gaya pembelajaran mengikut jantina.
- iv. Untuk mengetahui sama ada terdapat perhubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar.

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini, penyelidik berharap dapat memberi manfaat kepada peningkatan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, terutamanya kepada pelajar tahun akhir, fakulti dan pensyarah, dan pusat latihan dan perkembangan pengajaran dan pembelajaran. Khususnya hasil kajian ini dijangkakan dapat menyumbang kepada:

Kepentingan Kajian Kepada Pendidik

Adalah diharapkan agar kajian ini boleh membantu pendidik dalam memastikan pelajar dapat belajar dengan lebih cekap dan berkesan. Dalam kajian ini akan dapat membantu pendidik untuk mengenal pasti aktiviti dan pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan pelajar. Pendekatan ini boleh direka bentuk untuk membina kekuatan yang ada pada gaya pembelajaran pelajar dan membangunkan elemen-elemen yang perlu dibentuk. Menurut Bass & Greary (1996), untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lebih berkesan, pendidik perlu memastikan pelajar

- a) Melalui empat tahap edaran pembelajaran
- b) Memulakan edaran tersebut pada tahap gaya pembelajaran di mana mereka lebih cenderung dan seterusnya mengadakan pelbagai pendekatan yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran tertentu proses pengajaran dan pembelajaran akan dapat dilaksanakan dengan lebih menarik dan berkesan.

Kepentingan Kajian Kepada Pengurusan Dan Pentadbiran Universiti

Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak pentadbiran dan pengurusan, sama ada pada peringkat fakulti atau peringkat universiti merancang dan melaksanakan aktiviti secara berkesan dengan berpandukan gaya pembelajaran pelajar. Menurut Riding & Watts (1997), kajian seperti ini dapat membantu pihak pengurusan dalam mengenal pasti bahan-bahan bagi setiap gaya pembelajaran atau mereka bentuk bahan-bahan yang boleh diterima oleh kebanyakan pelajar. Nulty & Barret (1996) telah menyatakan mutu pemilihan dan penempatan (sama ada oleh pelajar atau pentadbiran universiti, boleh dipertingkatkan jika gaya pembelajaran pelajar dapat dikenal pasti dengan lebih awal. Bagi setiap jurusan, proses pemilihan boleh dimanfaatkan dengan mempertimbangkan gaya pembelajaran pelajar yang sesuai dengan jurusan yang ditawarkan.

Ketidakselarian gaya pembelajaran dengan jurusan yang paling sesuai mungkin boleh menjelaskan kenapa terdapat pelajar yang mempunyai masalah dalam pelajaran mereka. Pentadbir, kaunselor, pendidik dan pelajar sendiri boleh mendapat manfaat jika mereka dapat mengeksploitasikan sesuatu gaya pembelajaran.

Kepentingan Kajian Kepada Penyelidik

Terdapat pelbagai kajian yang telah dijalankan tentang gaya pembelajaran di luar negara terutama di Amerika Syarikat dan Eropah berbanding dengan kajian yang telah dijalankan di Malaysia. Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat menjadi titik permulaan bagi kajian lanjutan tentang gaya pembelajaran secara terperinci sama ada ke atas pelajar atau para profesional. Kajian ini adalah penting agar pihak akademik terutama di peringkat institusi pengajian tinggi di Malaysia. Kajian-kajian lanjutan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan berlandaskan konsep pembelajaran berterusan. Hasil dapatan kajian ini juga dapat menambahkan lagi sumber rujukan dalam bidang pendidikan secara umumnya dan gaya pembelajaran di institusi pengajian tinggi secara khususnya.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah kaedah bagi membolehkan maklumat diperolehi untuk menjawab masalah kajian yang dibina. Reka bentuk kajian adalah sebagai keseluruhan rangka kerja penyelidikan bagi menjawab dan mencapai objektif kajian. Kajian tinjauan (survey) berbentuk deskriptif ini dilaksanakan untuk mengkaji gaya pembelajaran pelajar tahun akhir SPH, Fakulti Pendidikan, UTM Johor.

Penyelidikan deskriptif merupakan suatu jenis penyelidikan yang bertujuan untuk menerangkan fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting, 1994; Wiersma, 1995). Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mendapat maklumat dan data yang diperlukan. Maklumat tentang pemboleh ubah kajian ini ditadbir dalam keadaan semulajadi pada masa kejadian. Penggunaan soal selidik merupakan cara yang menjimatkan masa untuk mengumpul data dalam jangka masa singkat. Data yang dikumpul dan hasil kajian ini dapat memberi maklumat untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini tertumpu kepada pelajar perdana dan PKPG Sarjana Muda Serta Teknologi Kemahiran Hidup tahun 4 di Fakulti Pendidikan, UTM Johor. Jumlah sampel yang dipilih ialah 100 orang iaitu 50 orang pelajar perdana dan 50 orang pelajar PKPG untuk menjawab soalan kajian. Majid (1994), menggalakkan penggunaan saiz sampel melebihi 30 orang kerana andaian taburan normal biasanya dipenuhi apabila saiz sampel melebihi 30 orang. Pemilihan sampel adalah berdasarkan rawak berkelompok.

Instrumen Kajian

Menurut Mohd Najib(1998), soal selidik merupakan satu kaedah untuk mendapatkan maklumat. Manakala Sulaiman Ngah Razali (2002), menyatakan soal selidik merupakan kaedah paling mudah untuk memperoleh maklumat. Instrumen soal selidik digunakan untuk mendapatkan data dan juga digunakan untuk mengukur sikap seseorang sama ada melalui soalan respon tetap, bebas (terbuka), senarai semak atau skala kadar. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan soal selidik berskala empat mata sebagai instrumen kajian kerana membantu penyelidik untuk mendapatkan data atau maklumat bagi mencapai objektif kajian. Mohd Majid (1990), menjelaskan bahawa penggunaan soal selidik, subjek dapat bertindak balas terhadap rangsangan soalan yang piawai dengan lebih berkesan kerana tidak dipengaruhi oleh penyelidik berbanding dengan kaedah temubual. Jadual 1 di bawah menunjukkan skala empat mata yang digunakan.

Jadual 1: Jadual Skala Empat Mata

Peringkat	Singkatan	Skor
Sangat Setuju	SS	4
Setuju	S	3
Tidak Setuju	TS	2
Sangat Tidak Setuju	STS	1

Penyelidik telah membahagikan soal selidik kepada 2 bahagian. Bahagian A mengandungi maklumat peribadi pelajar yang perlu dijawab. Bahagian B mengandungi 80 item yang telah diterjemahkan ke Bahasa Melayu daripada bahasa asal iaitu Bahasa Inggeris dan diubahsuaikan daripada soal selidik gaya pembelajaran yang terdapat dalam *The Manual of Learning Style* oleh Hooney dan Mumford (1992). Keterangan lanjut setiap bahagian adalah seperti berikut.

Kajian Rintis

Menurut Mohd. Majid Konting (1994), kebolehpercayaan memberi darjah ketekalan kepada instrumen pengukuran. Instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dapat memberikan keputusan yang tepat untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian, satu kajian rintis telah dijalankan sebelum set soal selidik sebenar diedarkan kepada responden. Kajian rintis adalah bertujuan untuk,

- i. mengenal pasti masalah pemahaman dan interpretasi item soal selidik.
- ii. mendapat maklum balas untuk memperbaiki item soal selidik.
- iii. mengetahui jangka masa yang diperlukan untuk menjawab item soal selidik.

Satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang pelajar (yang tidak terlibat sebagai responden kajian) untuk mengukur kebolehpercayaan item dalam soal selidik yang digunakan. Data yang diperolehi daripada kajian rintis ini dianalisis dan item yang bermasalah dibaiki. Mohd Najib Abdul Ghafar (1999), menyatakan bahawa kebolehpercayaan yang tinggi mempunyai nilai *Alpha Cronbach* melebihi 0.80. Kesahan soal selidik perlu dilakukan bagi membolehkan soal selidik mencapai objektif kajian.

Penyelidik mengumpul semula borang soal selidik dan seterusnya memproses data tersebut dengan menggunakan perisian SPSS bagi menguji kebolehpercayaannya. Kebolehpercayaan diuji melalui *Alpha Cronbach Coefficiency Test* dan nilai kebolehpercayaan instrumen soal selidik menunjukkan nilai *Alpha Cronbach* 0.953.

Analisis Data

Bagi menjawab persoalan kajian kedua iaitu adakah terdapat hubungan signifikan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar, analisis secara korelasi yang menggunakan analisis Korelasi Pearson digunakan. Dalam kaedah ini aras signifikan dan indeks korelasi digunakan. Sekiranya nilai signifikan $p < 0.05$ bermakna terdapat hubungan yang signifikan di antara dua pemboleh ubah tersebut. Pencapaian pelajar adalah CPA yang diperolehi oleh pelajar daripada semester pertama hingga semester kajian ini dijalankan.

Jadual 2: Korelasi hubungan di antara gaya pembelajaran dengan CPA pelajar

Gaya Pembelajaran	Nilai Kolerasi r	Aras Signifikan P
Reflektor	0.024	0.811
Pragmatis	-0.051	0.611
Teoris	0.012	0.904
Aktivis	0.050	0.618

* Signifikan pada aras keertian 0.05

n = 100

Jadual 2 menunjukkan korelasi hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik bagi menjawab persoalan kajian yang kedua. Bagi gaya pembelajaran Reflektor nilai signifikan $p=0.811$ dan ini bermakna tiada hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran Reflektor dengan pencapaian akademik kerana nilai $p > 0.05$. Nilai indeks korelasi mencatat nilai $r=0.024$ dan ini menunjukkan hubungan yang sangat lemah di antara kedua pemboleh ubah kerana kurang dari 0.20.

Gaya pembelajaran Teoris mencatat nilai signifikan $p=0.904$ dan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kedua pemboleh ubah dan nilai indeks korelasi ialah $r=0.012$ ini

menunjukkan hubungan yang sangat lemah. Gaya pembelajaran Aktivis mencatat nilai signifikan $p=0.618$ dan ini tidak terdapat hubungan yang signifikan dan nilai indeks korelasi $r=0.011$ menunjukkan hubungan antara kedua pemboleh ubah adalah sangat lemah.

Gaya pembelajaran Pragmatis pula mencatat nilai signifikan $p=0.611$ dan ini menunjukkan tiada hubungan yang signifikan. Nilai indeks korelasi mencatat $r=-0.051$. Ini menunjukkan indeks korelasi yang negatif, di mana hubungan gaya pembelajaran Pragmatis dengan pencapaian akademik adalah songsang. Mengikut skala Klasifikasi Kekuatan Korelasi (dari Rowntree dalam buku Penyelidikan Pendidikan, Mohd Najib Ghafar, 2003), nilai pekali korelasi 0.0 hingga 0.2 kaitan di antara dua pemboleh ubah tersebut adalah sangat lemah dan songsang. Secara dasarnya, gaya pembelajaran pelajar-pelajar tidak mempengaruhi pencapaian akademik di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Perbincangan

Hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar dianalisis berdasarkan gaya pembelajaran Reflektor, Pragmatis, Teoris dan Aktivis. Daripada analisis ke atas gaya belajar dan hubungannya dengan pencapaian pelajar, didapati bahawa gaya pembelajaran Pragmatis menunjukkan indeks korelasi yang negatif. Ini menunjukkan hubungan gaya pembelajaran Pragmatis dengan pencapaian akademik adalah songsang. Manakala, nilai signifikan p adalah lebih besar daripada 0.05 iaitu di antara 0.611 hingga 0.915. Situasi ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya belajar pelajar dengan pencapaian akademik. Secara keseluruhan berdasarkan empat gaya belajar tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa gaya belajar pelajar tidak mempengaruhi pencapaian akademik dalam proses pembelajaran. Ini disokong oleh kajian yang pernah dilakukan oleh Sadler (1997).

Menurut Sadler (1997), telah menjalankan kajian ke atas 245 orang pelajar Pengajian Perniagaan, Pemasaran, Pembangunan Sumber Manusia, Komputer dan Informasi Perniagaan, Kewangan dan Perakaunan di Universiti Plymouth untuk mengenal pasti perbezaan amalan gaya pembelajaran pelajar dan kolerasi di antara empat model yang digunakan dalam kajian. Kajian tersebut bersandarkan model *Learning Style Questionnaire Honey and Mumford* (1992). Kajian mendapati terdapat hubungan yang rendah di antara pencapaian akademik dan gaya pembelajaran iaitu -0.14 , $p < 0.05$. Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran Pragmatis hanya menunjukkan korelasi yang rendah iaitu 0.11 dengan pencapaian akademik pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran aktivis pula menunjukkan korelasi yang negatif dengan pencapaian akademik iaitu -0.05 , gaya pembelajaran Reflektor menunjukkan korelasi 0.08 dan pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran Teoris menunjukkan korelasi 0.17 pada tahap signifikan $p < 0.05$.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor gaya belajar ini tidak memberi kesan atau faktor utama mempengaruhi pencapaian pelajar. Pencapaian pelajar ini dipengaruhi oleh latar belakang pelajar itu sendiri. Pelajar tahun akhir lebih berdikari, berkeyakinan dan mempunyai keupayaan sendiri yang tinggi. Pelajar tahun akhir ini telah memahami cara belajar di pusat pengajian tinggi, iaitu mereka perlu mencari maklumat sendiri untuk menambah pengetahuan sedia ada mereka. Ini dibuktikan dengan kajian Eisenhards (1997). Kajiannya di Amerika Syarikat, telah mengenal pasti hubungan antara ciri murid, ciri guru dan keadaan sekolah mempunyai hubungan dengan pencapaian. Oleh itu faktor gaya belajar ini tidak memberi kesan atau faktor utama mempengaruhi pencapaian pelajar.

Rujukan

- Apps, J.W. (1990). *Study Skills For Today's College Student*. Madison: McGraw Hill.
- Atan Long (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka. Bass Jr., G.M. dan Greay, W.T. (1996). Education Research Abstracts. *Accounting Education*, 11 (1), 238-242.
- Canfield, A.A. (1977). *Learning Style Inventory Manual*. Plymouth: Humanities Inc.
- De Ciantis, S.M. dan Kirton, M.J. (1996). A Psychometric Reexamination of Kolb's Experiential Learning cycle construct: A Separation of Level, *Style and Process*. *Educational & Psychological Measurement*. 56(5). 109-120.
- Eisenhards (1977). *Understanding Students Learning*. New Jersey: Prentice Hall
- Felder, R.M. dan Henriques, E.R. (1995). Learning and Teaching Styles in Foreign and Second Language Education, *Foreign Language Annals*, 28(1), 21-21
- Gusentine, S.D. dan Keim, M.C. (1996). The Learning Styles of Community College Art Students. *Community College Review*. 24(3).17-25
- Hamzah Nun. (1999). *Gaya pembelajaran pelajar di Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Ishak Haron dan Koh, B.B. (1988). *Asas-asas Dalam Amalan Pedagogi*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- P Jaganadan A/L Periasamy (1999). *Gaya Pembelajaran Pelajar Berprestasi Rendah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Pai Chee, Mersing Johor*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana.
- Kamaruddin Mat Rejab (2000). *Persepsi Tentang Amalan Kemahiran Belajar Di Kalangan SPA/E/J (KDPK) Dalam Pembelajaran*. Universiti Teknologi Malaysia:Projek Sarjana Muda.
- Low Xin Xin (2003). *Pola Gaya Pembelajaran Pelajar-pelajar Di Kelas Lukisan Kejuruteraan Sekolah Menengah Sains Muar*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Mohd Majid Konting (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Ghaffar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Nulty, D.D. dan Barrett, M.A. (1996), Transitions in Students Learning Styles. *Studies in Higher Education*. 21 (3). 333-345.
- Oxford, R., Ehrman, M. dan Lavine, R. (1991). Style Wars: Teacher-Student Style Conflicts in the Language Classroom. In Magnan, S. (ed.). *Challenges in the 1990's for College Foreign Language Programs*. Boston: Heinle and Heinle..
- Rahil Mahyuddin, Abdul Majid Mohd. Isa, Zaidatol Akmaliah Lopie Pihie (1995). *Asas Pendidikan II : Psikologi Dalam Bilik Darjah*. Malaysia: Longman.
- Sulaiman Ngah Razali (1996). *Analisis Data Dalam Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Taylor, B.M. dan Maruyama, G. (1990). Time Spent Reading And Reading Growth. *American Educational Research Journal*. vol. 5(3): 351-362.
- Wynd, W.R dan Bozman, C.S (1996). Students Learning Style: A Segmentation Strategy for Higher Education. *Journal of Education for Business*. 71(4).232- 237
- Yee Mei Heong (2002). *Pola Gaya Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Teknik di Daerah Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.